

19/12/1997

Kuasa asing masih disanjung

Tay Cheow Hwang

SEJAK beberapa bulan kebelakangan ini, jelas kelihatan serangan terhadap pasaran saham dan mata wang khususnya negara Asia Tenggara. Adalah menjadi suatu hakikat bahawa manipulasi dan spekulasi pengurus dana asing banyak meninggalkan implikasi negatif terhadap perkembangan ekonomi negara. Kejatuhan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan kesusutan nilai mata wang negara yang mendadak menampakkan tahap membimbangkan.

Ekoran perkembangan ini, kita tidak boleh mendabik dada dan bangga dengan kepesatan pembangunan negara. Lantaran itu, permasalahan ini haruslah dikaji dan ditafsir dari pelbagai segi, terutamanya politik dan ekonomi.

Percaturan politik antarabangsa yang dikuasai negara maju yang kononnya pejuang demokrasi dan hak asasi negara adalah elemen yang membentuk tata baru dunia. Amerika Syarikat yang selama ini memperjuangkan demokrasi dan hak asasi manusia serta menuduh negara membangun negara yang tidak demokratik, tidak pula mengkritik spekulator dan manipulator asing yang menanggung di air keruh. Tindakan mereka dibiarkan kerana kononnya mereka pendukung idea pasaran bebas.

Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) menjadi medan negara maju melobi kepentingan ekonomi negara. Banyak ketetapan dan dasar WTO dirumuskan mengikut acuan kepentingan negara maju. Pandangan dan kritikan negara membangun dan Dunia Ketiga ditolak mentah-mentah. WTO menetapkan negara maju dan membangun meliberalisasikan pasaran ekonomi negara masing-masing. Tempoh yang ditetapkan bagi negara maju dan negara membangun masing-masing ialah tahun 2000 dan 2010.

Perkembangan ini akan mempercepatkan proses globalisasi yang akhirnya akan merugikan negara membangun. Ini kerana negara membangun yang serba kekurangan dari segi ekonomi dan percaturan politik antarabangsa, tidak dapat menyahut cabaran sedemikian. Sebaliknya, globalisasi menjadi medan bagi negara maju menguasai ekonomi negara membangun. Begitu juga, usaha negara maju memasukkan syarat buruh dalam WTO sebenarnya muslihat di sebalik penindasan negara maju.

Memang nyata sekali, kemerdekaan dan kedaulatan negara yang kita capai sekadar membebaskan negara kita daripada belenggu penjajahan fizikal saja. Pada hakikatnya, mentaliti kita masih dipengaruhi dan ditentukan oleh kuasa besar dunia. Inilah bentuk penjajahan baru abad ke-21.

Persoalan ini menjadi ketara dan jelas seandainya kita menganalisis pandangan orang ramai. Kebanyakan rakyat Malaysia masih menjunjung kuat kuasa asing yang menentukan hala tuju negara membangun. Contoh jelas ialah masyarakat Malaysia masih mempunyai persepsi bahawa barangan buatan Malaysia masih tidak bermutu berbanding barangan buatan negara asing. Adakah ini tanda yang menunjukkan mereka cinta akan negara kita?

Untuk menunjukkan mereka mencintai negara dan menyokong penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita tidak seharusnya hanya melaungkan slogan semata-mata, tetapi membuktikan keikhlasan dengan tindakan sewajarnya. Dalam pada itu, kita harus berjimat cermat dan membeli barangan buatan Malaysia untuk sama-sama menempuh kemelesetan ekonomi.

Dalam usaha mencapai status negara maju, kita seharusnya bebas daripada cengkaman politik dan mentaliti negara maju. Hal ini adalah asas bagi pembentukan negara yang kuat dan dihormati dunia.

TAY CHEOW HWANG

Pulau Pinang.

(END)